


# Amerika mesti bersikap adil

BH-29/3/2007

## Sikap berat sebelah pengantara punca konflik Israel-Palestin tak selesai: Abdullah



Zainudin Isa  
di Riyadh

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan Amerika Syarikat yang menjadi pengantara dalam penyelesaian konflik Israel-Palestin berlaku adil serta tidak membuat keputusan yang menguntungkan pihak tertentu saja.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berkata sebarang kumpulan atau negara yang menawarkan diri menjadi orang tengah dalam isu Pa-

**“ Amerika dipilih menjadi orang tengah untuk menjalankan tugas yang penting ini, tapi malangnya Amerika lebih memihak kepada Israel, melebihi penduduk Palestin ”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

lestin tidak harus cenderung kepada satu pihak sehingga menyebabkan proses perdamaian gagal dijadikan realiti sehingga hari ini.

"Jika pihak pengantara tidak adil, tidak ada jalan penyelesaiannya.

"Ini adalah persepsi (terhadap Amerika) dan ini apa yang kita lihat selama ini serta apa yang kita percaya," katanya ketika berucap sebagai pemerhati pada Sidang Kemuncak Liga Arab ke-19, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Raja Abdullah, di sini, semalam.

Kehadiran sulung Abdullah dalam Liga Arab adalah atas jemputan khas Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud yang menjadi tuan rumah persidangan kali ini.

Dalam ucapannya selama 15 minit itu, Abdullah mengupas mengenai kekusutan yang melingkari dunia Arab dan masyarakat Islam di Asia Barat yang berterusan dibelenggu konflik, peperangan dan persengketaan.

Dalam nada tegas, Abdullah berkata, beliau percaya Liga Arab mampu menjalankan tanggungjawab sebagai orang tengah dalam isu Israel-Palestin yang menurutnya perlu diselesaikan pertubuhan yang dekat dengan jiwa rakyatnya.

Beliau berkata, OIC akan memberi sepenuh sokongan kepada Liga Arab untuk menggerakkan proses damai di bumi Palestin.

"Kita di sini mampu selesaikan masalah di Asia Barat. Beribu penduduknya menderita, sengsara disebabkan peperangan tanpa kesudahan dan setiap hari mereka berharap pen-



**BERSEMANGAT TEGAS:** Abdullah menyampaikan ucapan pada pembukaan rasmi Sidang Kemuncak Arab ke-19 di Riyadh, semalam.

deritaan mereka akan berakhir untuk selama-lamanya.

"Oleh itu, menjadi tugas kita, anggota Liga Arab, anggota OIC dan pertubuhan lain untuk memahami bahawa kita ada tugas kepada Tuhan dan bersungguh-sungguh menyelesaikan isu ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu yang menyelubungi Asia Barat termasuk Lubnan dan Iraq tidak mampu diselesaikan selagi wujudnya konflik

sesama sendiri.

Ketiadaan kesepakatan, kata Abdullah, menyebabkan dunia luar terus mempunyai persepsi buruk terhadap kemampuan negara Islam mencari jalan penyelesaian kepada masalah di Asia Barat.

"Namun, sudah ada perkembangan baik di Palestin apabila Kerajaan Perpaduan dibentuk dan kita mahu kerajaan ini diiktiraf dan disokong.

"Ia adalah kerajaan yang dipilih

rakyat Palestin," katanya sambil meminta rakyat Palestin bersatu seperti mana mereka mahu semua negara Islam bersatu menyokong perjuangan mereka.

Menyentuh isu Iraq, beliau berkata, antara punca tentera asing masih berada di negara berkenaan kerana keamanan masih belum ditegakan apabila terlalu banyak perbalahan di kalangan rakyatnya, terutama soal puak dan mazhab.